

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMS 319– Sejarah China Moden**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Perang Candu merupakan satu pertentangan antara sebuah tamadun yang serba lengkap, mementingkan diri sendiri dan bercorak agrarian dengan sebuah tamadun yang condong kepada perluasan kuasa, agresif dan berdasarkan perindustrian. Bincangkan.

(100 markah)

2. Perang China-Jepun 1937-1945 menyediakan peluang dan kesempatan kepada Parti Komunis China (PKC) untuk muncul menjadi bertambah kuat sehingga berjaya merebut kuasa dari pihak Kuomintang (KMT). Sejauh mana anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?

(100 markah)

3. Bincangkan kesan-kesan pelaksanaan Revolusi Kebudayaan Proletariat Agung di China.

(100 markah)

4. Apabila Yuan Shih-kai meninggal dunia pada tahun 1916, keadaan politik di China kembali menjadi hura-hara. Galurkan sejarah perkembangan China dari tempoh tersebut sehingga 1928.

(100 markah)

5. Nilaikan kepentingan Gerakan 4 Mei pada tahun 1919 dalam sejarah negara China.

(100 markah)

6. Gerakan Melompot ke Hadapan merupakan salah satu episod sejarah pembangunan ekonomi yang meninggalkan kesan besar kepada rakyat China. Huraikan.

(100 markah)